

BAHASA DAN IDENTITI PENAN MUSLIM DI KAMPUNG TANJONG BELIPAT, NIAH: SATU TINJAUAN AWAL

(The Language and Identity of the Penan Muslims in Kampung Tanjong Belipat, Niah: A Preliminary Study)

Chong Shin

chongshin@ukm.edu.my

Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Chong Shin. (2020). Bahasa dan Identiti Penan Muslim di Kampung Tanjong Belipat, Niah: Satu Tinjauan awal. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 63-82. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.13(1)no2)

Abstrak

Artikel ini membincangkan etnik Penan Muslim yang tersebar di lembah Niah dan lembah Sungai Suai, bahagian Utara Sarawak. Mereka berasal daripada kaum Penan nomadik yang suatu ketika dulu tinggal di pedalaman Sarawak dan Kalimantan. Kira-kira pada awal abad ke-19, sekelompok kecil suku Penan telah berpindah ke kawasan persisir pantai dan memeluk agama Islam. Suku Penan Muslim yang tinggal di Kampung Tanjong Belipat adalah antara suku dalam kelompok ini. Setelah memeluk agama Islam, mereka bukan sahaja meninggalkan kebudayaan tradisi, tetapi juga bahasa ibunda mereka—bahasa Penan. Dari segi linguistik, bahasa Penan tergolong dalam subkelompok kepada cabang bahasa Kayan-Kenyah. Namun begitu, setelah beragama Islam, mereka memilih bahasa Bintulu, iaitu subkelompok lain dalam cabang bahasa Sarawak Utara. Kedua-dua bahasa ini adalah saling tidak memahami tanpa dipelajari. Faktor bertukar kepada bahasa yang berlainan cabang ini didorong oleh faktor keagamaan. Dalam erti kata lain, mereka inginkan “bahasa Muslim” yang melambangkan identiti agama Islam. Oleh sebab suku Bintulu merupakan satu-satunya suku yang beragama Islam di lembah sungai Niah, maka bahasa ini dipilih sebagai bahasa baharu setelah memperoleh identiti etnisiti baharu. Setelah memeluk agama Islam, Penan Muslim tampil dengan dua identiti yang kompleks dan subjektif. Hasil kajian mendapati bahawa komuniti

ini tidak membawa identiti “Melayu” seperti kes kaum Melanau di Sarawak dan Dayak Muslim di Kalimantan Barat. Identiti “Melayu” hanya digunakan mengikut konteks dan dalam domain tertentu yang berkaitan dengan aspek ekonomi. Juga diperhatikan bahawa walaupun mereka taat pada identiti Penan, namun fenomena “masuk Melayu” semakin rancak berlaku hasil daripada perkahwinan campur antara Penan Muslim dengan suku Melayu.

Kata kunci: Penan, Penan Muslim, Islam, bahasa, identity, masuk Melayu

Abstract

This article discusses the Penan Muslim community, which lives scattered around the Niah and Suai river valley in the northern part of Sarawak. In the past, they were a nomadic tribe that settled the remote areas in Sarawak and Kalimantan. Since the 19th century, some moved to the coastal area and embraced Islam as the religion of their community. The Penan Muslims in Tanjong Belipat village are one such community. After converting to Islam, the Penan Muslims abandoned their old traditional beliefs and also their mother tongue, the Penan language. Linguistically, the Penan language belongs to the Kayan-Kenyah language subgroup. After they embraced Islam, they adopted the Bintulu language—another language from the subgroup of languages in Northern Sarawak—as their main language. The Penan and Bintulu languages are mutually unintelligible. This kind of inter-group language shifting has a relation to religion, i.e. the Penan chose a language which they felt symbolizes a Muslim identity. Since the Bintulu tribe was the only Muslim tribe in the Niah valley, their language was chosen by the Penan as they adopted a new ethnic identity. After converting to Islam, the Penan Muslim community seems to have faced two complex yet subjective identities. Although they were now Muslim, they did not identify themselves as “Malay” like the Melanaus of Sarawak or the Dayak Muslims of Kalimantan. The term “Malay” was only used in certain circumstances and domains that are related to the economy. It is also observed that although the Penan Muslims are loyal to the Penan identity, intermarriage between them and the Malays has accelerated the “masuk Melayu” (becoming Malay) phenomenon among the Penan Muslim community.

Keywords: Penan, Penan Muslims, Islam, language, identity, becoming Melayu

PENDAHULUAN

Menurut Shamsul (1999), “secara subjektif, sesiapa yang memeluk agama Islam boleh dianggap sebagai “Melayu”. Pada masa yang sama, suku bukan Muslim dan bukan Melayu boleh dilabel sebagai “Melayu” selagi mereka mengamalkan cara

hidup Melayu, menuturkan bahasa Melayu, memakai pakaian Melayu, memasak masakan Melayu dan terlibat menyeluruh dalam rangkaian perdagangan Melayu”. Di Borneo Barat, konsep masuk Melayu sejajar dengan hujah Shamsul (1999) dan pemelukan agama Islam titik transisi untuk “menjadi Melayu”. Untuk kes di Kalbar (Indonesia), batas etnik antara “Melayu” dengan suku Dayak ialah agama Islam. Menurut Sellato (1989 dalam Yekti, 2004), sekitar 90% orang Melayu di Borneo Barat pada mulanya ialah orang Dayak yang masuk Islam. Faktor yang mendorong sesetengah suku Dayak memeluk agama Islam selanjutnya “masuk Melayu” berkait rapat dengan status sosial suku beragama Islam yang lebih tinggi kerana sejak ratusan tahun, suku Melayu telah mendirikan kesultanan Melayu di pelbagai wilayah di Borneo Barat. Umpamanya Kesultanan Sambas (lihat Pabali, 2003), Kesultanan Pontianak (Jimmy, 1971) dan sebagainya. Di bawah penguasaan sultan-sultan Melayu, suku Dayak selalunya dikenakan cukai yang tinggi sehingga ada yang berhutang dan menjadi hamba kepada sultan-sultan Melayu. Untuk melepaskan diri daripada dikenakan cukai dan menuju ke tingkat sosial yang lebih tinggi, maka sesetengah daripada mereka memilih untuk “masuk Melayu”. Dari segi bahasa, seperti yang diketahui umum, bahasa ibunda suku Melayu ialah bahasa Melayu lokal. Oleh sebab identiti sasaran yang ingin dipilih oleh suku non-Muslim ini ialah “Melayu”, setelah “masuk Melayu”, mereka secara langsung akan memilih dialek Melayu sebagai bahasa ibunda. Pertukaran bahasa ibunda ini bukan berlaku secara mendadak tetapi memakan waktu, satu atau dua generasi. Banyak kosa ilmu lepas yang menyatakan isu “masuk Melayu” antaranya termasuklah tulisan King (1993), Enthoven (1903), Yusriadi & Hermansyah (2003), Yusriadi (2005), Zainuddin (2001) dan sebagainya.

MASUK MELAYU

Seperti dalam tulisan yang lepas tentang “masuk Melayu”, fenomena pertukaran bahasa ibunda sejajar dengan pertukaran agama. Contohnya di Embau, suku Dayak yang telah memeluk agama Islam sejak tahun 1850 lagi, memilih bahasa Melayu Riam Panjang sebagai bahasa ibunda (Yusriadi & Hermansyah, 2003). Pada tahun 1969, di Sungai Buah, atas arahan pemerintah Indonesia untuk memilih salah satu agama rasmi Indonesia (iaitu Islam, Katolik, Protestan, Hindu dan Buddha) suku Iban di daerah berkenaan memilih agama Islam. Setelah beragama Islam, mereka menukar identiti yang berpaksikan Islam seperti menukar nama, amalan hidup dan sebagainya. Dari segi bahasa, mereka menukar bahasa mereka kepada bahasa Melayu. Pada pandangan mereka, sebagai orang Islam mereka tidak sepatutnya berbahasa

Iban sebaliknya harus berbahasa Melayu, seperti orang Melayu di kampung yang berhampiran. Dalam jangka masa satu generasi sahaja (1969-2002), bahasa Melayu telah menggantikan bahasa Iban sebagai bahasa ibunda (Yusriadi, 2005).

Untuk kes di Sarawak (Malaysia); lihat Peta 1, fenomena masuk Melayu paling ketara ditemui dalam komuniti Melanau. Suku ini pada asalnya dikatakan berkerabat dengan suku Kajang atau Kayan dari segi etnografi. Setelah berhijrah ke kawasan persisiran pantai, sebahagian besar mereka telah memeluk agama Islam pada abad ke-14. Pemeluk agama Islam oleh suku Melanau berkaitan dengan Kesultanan Brunei dan juga kehadiran pedagang Melayu dalam urusan niaga sagu di kawasan persisiran pantai Sarawak. Menurut Morris (1978), Kesultanan Brunei telah menaungi kawasan ini sekurang-kurangnya empat ratus tahun dengan melantik wakilnya di muara sungai yang menjadi pengeluar sagu utama, misalnya di Oya dan Mukah, untuk mengutip hasil perdagangan sagu sehinggalah kedatangan Rajah Brooke ke Sarawak. Walaupun secara politik mereka mengawal perdagangan sagu di kawasan hilir, namun pengaruh politik mereka terhadap kawasan hulu amat minimal. Pada abad ke-19, bahkan belum ada bukti yang menunjukkan mereka mengislamkan Melanau pagan di hulu. Mula abad itu juga wujud permintaan tepung sagu yang pesat dari Singapura (untuk dieksport ke Eropah sebagai bahan industri). Pedagang Melayu mula berkunjung ke kawasan Melanau untuk mendapatkan bekalan tepung sagu. Kemunculan mereka memberikan persaingan kepada wakil-wakil Brunei dalam perdagangan sagu. Oleh sebab kawasan muara telah dikuasai oleh wakil Brunei, maka mereka menempatkan ejen-ejen yang biasanya Melayu Muslim dari Kuching di kampung-kampung Melanau di kawasan hulu untuk mendapatkan bekalan langsung daripada pengusaha sagu tempatan. Muslim pendatang baharu yang tinggal di kawasan ini kemudiannya berkahwin dengan wanita setempat secara beransur-ansur dan mengislamkan suku Melanau (Morris, 1978). Menurut Morris (1953 dlm Babcock 1974), selepas seratus tahun kemudian, daripada 35 000 orang Melanau 26 000 orang Melanau beragama Islam. Pengenalannya sebagai Melayu berlaku lebih ketara lagi kepada suku Melanau yang tinggal jauh dari kawasan Melanau. Mereka kini rata-ratanya berbahasa Melayu Sarawak dan merupakan "orang Melayu". Hal ini sejajar dengan hujah Faisal (2008), iaitu seseorang Melanau Muslim boleh digelar dirinya sebagai Melayu kerana seseorang itu berbahasa Melayu Sarawak. Jika ditafsirkan berdasarkan konsep "bahasa identiti bangsa" atau "bahasa jiwa bangsa", konsep ini yang sebenarnya bermaksud identiti suku bangsa dilambangkan melalui bahasa etnik keturunan asal mereka" telah menyimpang kepada konsep identiti bangsa dilambangkan berdasarkan bahasa kontemporari yang digunakan.

Daripada kes “masuk Melayu”, dapat diperhatikan bahawa hal ini sangat berkait langsung dengan pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda untuk identiti baharu mereka. Sehubungan dengan itu, satu kenyataan dapat dibentuk mengenai “masuk Melayu” di Borneo Barat ialah: “Memeluk agama Islam akan menjadi ‘Melayu’ dan selanjutnya akan menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda”. Dalam penelitian ini yang berjudul Menerokai “Konsep Baru ‘Masuk Melayu’ melalui Etnolinguistik Suku Penan Muslim dan Melayu-Melanau Sarawak” (FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8),¹ ditemui suku Penan Muslim di Niah, Sarawak (Malaysia Timur) yang kontras dengan konsep “masuk Melayu” di Borneo Barat. Suku ini didapati memilih bahasa Muslim bukan Melayu sebagai bahasa ibunda setelah bertukar agama.

METODOLOGI


Penelitian ini dilakukan di dua daerah Penan Muslim, di Kampung Tanjong Belipat dan Kampung Uma Penan Pruan (Kampung Jambatan Suai). Kedua-dua kampung ini terletak di lembah Sungai Baram, iaitu sebatang sungai utama di bahagian Utara Sarawak. Dalam penelitian awal ini, dua kaedah digunakan, iaitu kaedah wawancara bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik. Penulis menyediakan satu set soalan yang berupaya mencungkil sikap bahasa informan terhadap bahasa Penan dan bahasa ibunda baharu mereka, iaitu bahasa Bintulu. Di samping itu, terdapat juga soalan yang berkaitan dengan identiti etnisiti ditanyakan kepada mereka. Sepanjang wawancara, hasil interaksi ini dirakamkan dengan menggunakan alat perakam.

KONSEP “PENAN”

Apabila membicarakan tentang suku “Penan”, kita perlu membezakannya dengan suku “Punan”. Secara etnografi, kedua-dua istilah ini merujuk peribumi di hulu Baram dan Rejang yang berbeza. Menurut Needham (1953):

... in the ethnographic literature, on Borneo one of the most recurring confusions has been in the term “Punan”. In Sarawak this has been compounded by the appearance of the term “Penan”. One might have supposed these terms would be cleared up..but it is remarkable that in recent years, in spite of increasing attention to the issue, the situation has even worsened.

Kewujudan kekeliruan kedua-dua nama suku ini menurut Langub (1989) berpunca daripada pengkaji Barat terdahulu yang menggunakan istilah ini secara



Rajah 1 Peta penyebaran suku Penan di Bahagian Barat Baram (Needham, 1965).

sewenang-wenangnyanya. Maksudnya kedua-dua istilah sering digunakan secara bertukar ganti terhadap suku yang berbentuk nomadik di pedalaman Sarawak tanpa sebarang klasifikasi yang jelas. Mengenai persoalan ini, Needham (1953) telah membuat pengklasifikasian yang jelas tentang kedua-dua terminologi ini. Beliau membahagikan peribumi pedalaman ini kepada tiga, iaitu:

Punan Ba

Di Sarawak, suku Punan Ba tinggal menetap di rumah panjang (bukan nomadik). Terdapat tanggapan yang mengelirukan antara identiti suku Punan Ba dengan dua suku yang dikenali juga sebagai orang Ulu, iaitu suku Punan nomadik dan Penan. Walaupun mereka menggelar suku mereka sebagai Punan, namun menurut Needham (1955), terdapat keperluan mengasingkan suku ini khususnya daripada Punan

nomadik kerana Punan Ba termasuk dalam golongan Kenyah-Kayan-Kajang. Sufiks “Ba” diterapkan pada suku Punan yang tinggal di rumah panjang di sungai Bah, salah satu cabang sungai Rejang di kawasan pedalaman Sarawak. Suku Punan Ba juga tidak pernah hidup sebagai kaum nomad. Mereka biasanya tinggal menetap di rumah panjang dan menanam padi. Suku ini juga berbeza daripada suku Punan nomadik dan Penan dari segi sejarah dan linguistik. Dari segi sejarah, contohnya pengakuan salah seorang informan Needham (1955) di Pandan (Sungai Kemena, Bintulu) bahawa mereka berasal daripada Batang Kayan, dari situ mereka memasuki Kajang, menyusuri Baloi dan sampai ke Kuala Pila dan kemudian menetap di Ba. Selepas itu, barulah mereka berpindah ke lembah Kemena, iaitu Pandan dan telah menetap di sana selama empat generasi. Oleh sebab mereka berasal daripada sungai Punan di Ba maka mereka digelar sebagai Punan Ba. Dari segi linguistik, Punan Ba menuturkan dialek yang mempunyai hubungan dengan Kejaman, Sekapan dan Lahanan (Bibi Aminah *et al.*, 2009).

Punan Nomadik

Punan nomadik diwakili oleh kelompok seperti Punan Aput, Punan Batu dan Punan Busang. Dari segi bahasa dan organisasi sosial, mereka amat berbeza dengan suku Punan Ba (Needham, 1953). Semakan daripada tulisan Kaboy (1974) mendapati beliau melabelkan dua suku yang digelar oleh Needham sebagai Punan nomadik, iaitu Punan Aput dan Punan Busang dengan nama “Penan Aput” dan “Penan Busang”. Hal ini sesungguhnya menambah lagi kekeliruan. Dalam Langub (1975), terdapat huraian yang khusus untuk Punan Busang dan didapati huraian beliau senada dengan Needham. Menurut beliau, suku Punan Busang bukan Penan kerana mereka berbeza dari segi bahasa dan budaya dengan suku Penan. Kelompok ini pernah suatu ketika dahulu merupakan musuh kepada nomad-nomad lain. Apabila ditanya sama ada mereka suku “Penan” ataupun “Punan”, mereka kelihatan kurang gemar digelar “Penan”. Mereka mengatakan mereka berasal daripada sungai Busang, satu cabang sungai Balui. Suatu ketika dahulu mereka menyeberangi sempadan dan tinggal di ulu sungai Kayan. Selepas itu mereka berpecah kepada dua kelompok, iaitu satu kelompok berpindah ke Sarawak dan satu kelompok lagi berada di Sungai Kihan, Kalimantan, yang kini dinamakan sebagai suku Punan Busang Kihan. Walau bagaimanapun, makalah ini tetap bersetuju dengan klasifikasi yang dibuat oleh Needham.

Penan

Suku Penan juga dikenali sebagai “Punan Hutan” (*Jungle Punan*). Pada asalnya suku ini merupakan suku nomadik. Namun demikian, sejak lebih seratus tahun, mereka telah meninggalkan kawasan pergunungan di pedalaman dan tinggal menetap di tanah rata dan kawasan persisir. Sumber kehidupan mereka ialah bercucuk tanam (Needham, 1965). Pendorong mereka untuk menjalankan kehidupan menetap kerana penglibatannya dalam aktiviti perdagangan barter dan pertukaran kepercayaan kepada *adat Bungan* atau yang terbaharu, agama Kristian. Di samping itu, terdapat juga bantuan daripada pihak kerajaan untuk membina rumah panjang yang lebih baik, memperbaiki sistem pertanian dan membekalkan ladang yang lebih luas (Langub, 1975). Walaupun kini mereka menanam padi sebagai sumber makanan ruji, namun mereka masih terlibat dengan aktiviti memburu hidupan liar di hutan, mencari rotan, membuat tikar dan bakul daripada rotan. Ada dalam kalangan mereka masih mengamalkan makan sagu yang suatu ketika dahulu merupakan makanan ruji mereka. Suku Penan juga merupakan tukang besi (membuat parang dan pisau) yang mahir. Hasil produk mereka mendapat sambutan yang baik daripada suku lain dan peniaga Cina.

Penan dibahagikan kepada dua suku, iaitu Penan Timur dan Penan Barat. Sungai Baram merupakan sempadan pemisah untuk kedua-dua suku ini. Sumber genealogi mengatakan suku Penan Barat berasal dari Bateu Kéng Sian (Batu Cengkerang Kurakura) di hulu sungai Lua, cabang sungai Peliran di lembah Rejang. Perpindahan yang berlaku pada sekitar tahun 1810, terdapat dalam kalangan suku Penan Barat yang berpindah ke Balui dan ada yang berpindah ke sungai Ivan, Pejungan dan Luda. Sejarah perpindahan suku Penan Timur sebaliknya sukar dikesan kerana pengetahuan mereka tentang genealogi dan sejarah lampau agak cetek. Namun begitu, mereka dipercayai berasal dari daerah Pejungan dan Lio Matu di hulu sungai Baram. Dari situ mereka berpindah ke barat daya memasuki cabang sungai Limbang dan ke pedalaman Brunei (Needham, 2007).

Menurut perangkaan rasmi daripada Pejabat Residen Miri, pada tahun 2008, terdapat 121 petempatan Penan di Sarawak. Daerah yang mengandungi petempatan Penan merangkumi kawasan Baram hingga Belaga (Bibi Aminah *et al.*, 2009). Selain itu, suku Penan juga ditemui di lembah Niah dan Kemena. Dari segi jumlah penduduk, menurut *Year Book of Statistic Sarawak 2015*, jumlah penduduk Penan seramai 12 485 orang. Jumlah ini ialah angka kumulatif untuk Penan nomad, semi-nomad dan tinggal menetap.

Walaupun suku Penan Timur dan Barat mengaku mereka Penan yang “sebenar”, namun kedua-dua kelompok ini berbeza dari segi linguistik dan sosial. Dari segi linguistik, bahasa Penan timur dan barat tergolong dalam keluarga bahasa Kenyah. Walaupun atas nama bahasa Penan, namun bahasa Penan Timur dan Barat tidak saling memahami. Kedua-dua bahasa ini dikatakan cenderung menyerap kata-kata bahasa di sekeliling mereka, misalnya bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Iban dan Melayu.

Sebagai suku nomad, ekonomi utama suku Penan ialah memburu dan mengumpulkan hasil hutan. Corak ekonomi sedemikian secara langsung mempengaruhi corak petempatan mereka. Suku Penan Timur akan membina satu tapak utama di daerah yang mereka eksploitasi. Kemudian mereka akan berpindah secara kelompok dari satu tapak sementara ke tapak yang lain. Tapak utama yang asal akan dijadikan tempat penyimpanan hasil hutan sehinggalah mereka berasa perlu berpindah ke tempat lain, atau ketika hendak menghadiri pertemuan urusan niaga. Pertemuan urusan niaga ini diadakan lebih kurang tiga kali setahun dengan suku Kenyah di rumah panjang mereka. Urusan niaga ini dilakukan dalam bentuk barter. Untuk Penan Barat pula, mereka akan tinggal agak lama di sesuatu tapak dan membuka tanah tersebut. Tempoh mereka tinggal biasanya mencecah beberapa tahun (Needham 2007). Perlu ditegaskan bahawa rujukan Needham tentang petempatan suku Penan bukan suatu informasi terbaharu kerana artikel tersebut merupakan artikel terbit ulang daripada bab dalam buku yang diterbitkan pada tahun 1972, dengan judul yang sama.

Dalam zaman kontemporari, suku Penan jarang menjalankan kehidupan nomadik. Dalam Bibi Aminah (2009), dua corak petempatan suku Penan dipaparkan, iaitu berbentuk rumah panjang dan sulap. Contoh suku Penan yang tinggal di petempatan berbentuk rumah panjang adalah seperti di Long Latei’, Long Keluan, Ba’ abang dan Long Lewe’. Sulap ialah petempatan yang berbentuk pondok kayu kecil yang sangat sederhana. Penan di Ba’ Puak tinggal di pondok kecil seperti ini. Untuk Penan di Long Kevok, mereka sebenarnya tinggal di rumah panjang, namun setelah kebakaran pada tahun 2003, mereka mula tinggal di rumah-rumah yang didirikan secara individu. Untuk suku Penan yang telah memeluk agama Islam (dalam makalah ini dinamakan sebagai Penan Muslim), kajian penulis di kampung Tanjong Belipat, Suai Jambatan dan Kampung Iran mendapati mereka tinggal di rumah kampung yang berbentuk individu. Rumah-rumah tersebut dibina sejajar dengan jalan di kampung.

Dari segi keagamaan, suku Penan mula didedahkan dengan agama Kristian selepas Perang Dunia Kedua. Antaranya termasuklah suku Penan Timur yang memeluk agama Protestan manakala Penan Barat memeluk agama Katolik. Dalam

kalangan mereka, juga terdapat ramai yang masih pagan. Untuk golongan yang telah lama tinggal di kawasan persisiran, mereka merupakan Muslim.

Penan Muslim

Kawasan persebaran suku Penan Muslim ialah di bahagian barat sungai Baram; Lihat Rajah 2. Needham (1965) telah menyenaraikan lima daerah Penan Muslim, iaitu Bakong, Mesekat, Niah, Sebuon dan Suai. Penelitian ini mendapati selain lima buah kampung ini, terdapat juga sebuah kampung, iaitu kampung Penan Muslim Batu 10 di hilir sungai Kemena, Bintulu. Berdasarkan Rajah 2, didapati kawasan yang dinyatakan oleh Needham mengandungi suku Penan Muslim kesemuanya terletak berhampiran dengan persisir pantai (lihat lingkungan yang ditandakan). Sorotan terhadap kajian Needham mendapati belum ramai suku Penan yang memeluk agama Islam pada akhir 40-an dan awal 50-an.

KES PENAN MUSLIM DI TANJONG BELIPAT, NIAH

Bahagian ini berfokus pada aspek bahasa dan identiti suku Penan Muslim di kampung Tanjong Belipat yang mengalami perubahan susulan pertukaran agama. Walaupun kajian ini sebuah rintisan awal, namun agar perbincangan lebih komprehensif dan dipertanggungjawabkan, bahagian ini juga memaparkan perbandingan empat bahasa yang digunakan oleh suku Penan Muslim yang multilingual. Bahasa Penan ialah bahasa asal mereka manakala bahasa Bintulu sebagai bahasa “baharu” setelah bertukar agama; dan, bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Iban sebagai bahasa interaksi interetnik. Pemaparan data sedemikian juga bertujuan menunjukkan bahawa suku ini sanggup bertukar ke bahasa yang dekat dengan agama Islam, walaupun bahasa baharu tersebut tidak saling memahami dengan bahasa asal mereka.

Bahasa

Jadual 1 menunjukkan perbandingan contoh beberapa leksikal (fokus kepada anggota badan manusia) untuk empat bahasa yang dikuasai oleh suku Penan Muslim. Perbincangan tentang perbezaan dari segi ciri fonologi juga akan disentuh secara sepintas lalu.

Daripada Jadual 1, terbukti bahawa bahasa Penan dan Bintulu mempunyai perbezaan yang nyata dari segi kosa kata. Boleh dikatakan kedua-dua bahasa ini tidak saling memahami jika tidak mempelajarinya. Walaupun terdapat leksikal yang mirip bentuknya, namun tetap terserlah dari segi fonologi, misalnya antara /ul^əun/



Rajah 2 Peta lokasi penelitian.

Jadual 1 Perbandingan leksikal bahasa Penan, Bintulu, Melayu Sarawak dan Iban.

| Erti | Bahasa | | | |
|--------|---------------------|---------|----------------|-------------------|
| | Penan | Bintulu | Melayu Sarawak | Iban |
| Tangan | ɔjuəʔ | agəm | taŋan | jari |
| Siku | sik ^ə un | sikəw | sikuw | siku |
| Kuku | sil ^ə un | siləw | kuku | kuku ^t |
| Kulit | kuliet | qulieʔ | kulit | kuli ^t |
| Perut | bəriy | tənaʔiʔ | pəyut | pəru ^t |
| Darah | da:ʔ | ya:ʔ | dayah | dareah |
| Kepala | ul ^ə un | uləw | palaʔ | palaʔ |
| Otak | utək | utəq | utak | unteak |
| Rambut | bə:k | bo:q | bu:ʔ | buoʔ |
| Hidung | r:oŋ | uyəŋ | idoŋ | iduəŋ |

dengan /uləw/, /ro:ŋ/ dengan /uɔŋ/. Dalam linguistik perbandingan, bahasa Penan menduduki subcabang bahasa Kayan-Kenyah, manakala bahasa Bintulu menduduki subcabang Bintulu, dalam cabang bahasa Sarawak Utara; lihat Soriente (2013). Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Iban. Kedua-dua bahasa ini sangat dekat dari segi leksikal dan fonologi kerana sama-sama berasal daripada cabang bahasa Melayik; lihat Adelaar (1992).

Penggunaan dan Pemilihan Bahasa

Berbeza dengan kes suku Dayak di Kalbar dan suku Melanau di Sarawak yang masuk Islam, suku Penan setelah memeluk agama Islam tidak memilih dialek Melayu setempat sebagai bahasa ibunda mereka. Di sekeliling mereka, memang wujud bahasa lain seperti bahasa Kedayan, bahasa Iban dan bahasa Penan, kesemua bahasa ini tidak dipilih oleh mereka setelah menukar agama. Bahasa yang dipilih ialah bahasa Bintulu, iaitu satu bahasa Muslim bukan Melayu. Jika dianalisis berdasarkan kedudukan geografi, jarak antara lembah Kemena (kawasan pertuturan bahasa Bintulu) dengan lembah Niah-Suai agak berjauhan di hilir dan berdekatan di bahagian hulu. Berkemungkinan besar titik pertemuan sungai ini menjadi tempat pertama suku Penan Muslim mempunyai kontak atau hubungan dengan bahasa Bintulu, dan dari situ mereka tersebar ke daerah lain seperti Tanjong Belipat dan Kampung Iran, berserta dengan bahasa Muslim baharu mereka. Dakwaan ini ada asasnya jika dilihat pada statistik Needham (2007) tentang bilangan suku Penan yang beragama Islam di lembah Suai-Niah pada akhir tahun 1940-an dan 1950-an. Di Mesekat, hanya tiga keluarga yang memeluk agama Islam (daripada 60 individu penduduk). Begitu juga di Sebumun, hanya tiga daripada 50 keluarga yang beragama Islam. Bilangan yang paling ramai memeluk agama Islam ialah suku Penan di Suai (Sungai Lai, cabang Sungai Suai), iaitu terdapat kira-kira 30 daripada 40 orang. Berdasarkan perangkaan ini jelaslah bahawa pernah wujud sekelompok besar Penan yang memeluk agama Islam di Suai kerana kedudukannya yang terletak tidak jauh dari hulu Sungai Kemena. Oleh itu, setelah mereka beragama Islam mereka memilih bahasa Bintulu sebagai bahasa ibunda baharu mereka kerana bahasa ini merupakan satu-satunya bahasa Muslim berstatus *lingua franca*. Dalam Yusriadi (2005) dinyatakan bahawa tujuan penduduk Iban Muslim di kampung Sungai Buah (Kalbar) memilih bahasa Melayu kerana terdapat tanggapan bahawa sekiranya telah beragama Islam, maka mereka juga harus berbahasa Melayu. Begitu juga dengan suku Penan Muslim, mungkin tanggapan ini juga wujud dalam kalangan mereka. Hal ini telah mendorong mereka berbahasa Bintulu agar agama dan bahasa mereka

sejajar dengan komuniti Muslim di kawasan sekitar mereka, dan pada ketika itu, komuniti beragama Islam yang paling ramai di sekitar mereka ialah orang Bintulu.


Di Sarawak, terdapat dua bahasa *lingua franca* utama, iaitu dialek Melayu dan bahasa Iban (lihat Azlan Mis, 2010). Dua bahasa yang berstatus *lingua franca* ini seharusnya memainkan peranan tertentu dalam isu pertukaran bahasa baharu suku Penan. Akan tetapi kenyataannya adalah sebaliknya kerana mereka memilih bahasa Bintulu. Faktor bahasa Iban tidak dipilih mungkin kerana tidak sejajar dengan agama mereka, walaupun kajian lapangan ini mendapati rata-rata orang Penan dewasa fasih berbahasa Iban. Dalam erti kata lain, bahasa Iban ialah bahasa ibunda suku Iban, yakni suku bukan beragama Islam dan pada ketika itu, banyak yang masih animisme. Tidak ada alasan untuk mereka menukar bahasa bukan Islam lain kerana bahasa Penan sendiri ialah “bahasa bukan Muslim”. Dialek Melayu pula walaupun “bahasa



Rajah 3 Informan di Kampung Penan Muslim.

orang Muslim” tidak dipilih pada tahap awal mereka yang menukar agama kerana berkaitan dengan jangkauan dialek ini. Dalam kajian penulis di lembah Kemena, mendapati bahawa tiada dialek Melayu asli di lembah ini. Dialek Melayu Sarawak yang kini dituturkan di daerah ini ialah dialek yang dibawa oleh penduduk luar yang berpindah dari daerah lain kerana faktor ekonomi (akibat perkembangan industri gas asli dan industri petroleum yang berkaitan). Oleh itu, pada tahap awal, dialek Melayu tersebut tidak popular di lembah Kemena, apatah lagi di daerah pedalaman yang sukar dijangkau. Keadaan ini berlainan dengan bahasa Bintulu yang sejak turun-temurun menjadi *lingua franca* penduduk di lembah ini.

Dari segi penguasaan bahasa, keberadaan mereka dalam komuniti multilingual menyebabkan suku Penan Muslim juga penutur yang multilingual. Mereka mampu menguasai bahasa Iban, Melayu, selain bahasa Bintulu. Ketiga-tiga bahasa ini ialah bahasa utama di lingkungan ini. Di kampung Suai pula, bahasa Penan juga dituturkan kerana kampung ini dihuni oleh dua komuniti yang berlainan agama, iaitu



Rajah 4 Pengumuman Majlis Khatam al-Quran dan tahlil.



Rajah 5 Batu nisan yang menunjukkan terdapat suku Penan yang memeluk agama Islam sebelum tahun 1930an. Penemuan ini mungkin lebih awal daripada yang dilaporkan oleh Needham.

komuniti Penan Muslim dan Penan asli. Jika dipandang sekilas lalu, kampung yang bersambungan ini sukar dipastikan jenis keagamaan penduduknya kerana hanya gereja yang dibina di kampung ini dan surau pula terletak di seberang jalan, periferi komuniti Penan Muslim.

Tahap penguasaan ketiga-tiga bahasa utama yang disebutkan di atas ditentukan oleh faktor umur, di samping lingkungan. Di kampung Tanjong Belipat yang kesemuanya Penan Muslim, golongan tua didapati masih menguasai bahasa Penan dan hal ini sebaliknya kepada golongan muda. Golongan tua kompeten dalam bahasa Penan kerana pada masa muda kerap berinteraksi dengan suku Penan asli. Misalnya semasa bekerja di kawasan Penan atau berhubungankan kekerabatan dengan suku Penan di kawasan hulu Baram. Untuk golongan muda, peluang mereka didedahkan dengan suku Penan agak kurang kerana mereka telah menetap di persisir yang terasing daripada Penan di kawasan hulu. Di Kampung Suai pula, faktor umur tidak mempengaruhi penguasaan bahasa Penan sebaliknya lingkungan yang menentukannya. Maksudnya, oleh sebab kampung ini merupakan campuran suku Penan yang beragama Katolik dan Islam, maka penduduk di sini fasih berbahasa Penan, tidak mengira faktor usia.

Daripada wawancara, suku Penan di kedua-dua kampung ini didapati fasih berbahasa Iban kerana majoriti penduduk di sekitar mereka ialah suku Iban. Bahkan informan memberitahu bahawa keberadaan penutur dalam persekitaran

sedemikian, akan secara alamiah mampu menguasai bahasa Iban. Bahasa Iban ialah bahasa komuniti utama, bahkan peranannya mengatasi dialek Melayu Sarawak. Berdasarkan statistik dalam *Year Book of Statistic Sarawak*, jumlah orang Iban yang tinggal di lingkungan Bintulu-Miri-Marudi seramai 183 785 orang dan ini diikuti oleh suku Cina (117 207 orang). Bahasa Iban, yang dikuasai oleh suku Penan Muslim sesungguhnya berpengaruh dari aspek sosiolinguistik (sebagai medium interaksi interetnik), namun secara pragmatiknya, bahasa ini tidak berperanan dalam keluarga Iban yang berkahwin campur dengan Penan Muslim. Maksudnya suku Iban yang berkahwin dengan suku Penan Muslim (dan memeluk agama Islam), dia tidak berbahasa Iban lagi di rumah, sebaliknya berbahasa Bintulu dengan isteri mereka.

Apabila berbicara dengan orang yang tidak dikenali, suku Penan cenderung menggunakan dialek Melayu Sarawak kerana menurut informan dialek ini umumnya dikuasai dan digunakan oleh masyarakat berbilang suku. Dalam domain tertentu, misalnya dengan kehadiran orang luar (iaitu peneliti dan rakan) di rumah informan, informan Penan kelihatan menelefon kawan Penannya (untuk bertanyakan sesuatu), dalam dialek Melayu Sarawak, dan bukannya berbahasa Bintulu seperti kelazimannya. Untuk penduduk luar yang telah lama tinggal di kampung Penan Muslim, mereka akan berbahasa Bintulu juga. Walaupun terdapat sejumlah suku Cina, semasa berkomunikasi dengan mereka, suku Penan Muslim mengaku berbahasa Melayu Pasar dengan mereka. Semasa wawancara, informan rata-rata bersetuju bahawa bahasa Penan wajar dipelajari, paling tidak, dikenali oleh golongan muda kerana bahasa ini ialah bahasa asal mereka. Tujuannya agar golongan muda tidak lupa akan keturunan asal mereka. Namun demikian, pengakuan mereka agak bertentangan dengan kenyataan sebenar kerana pada hakikatnya suku Penan Muslim telahpun melepaskan bahasa ibunda mereka dan memilih bahasa Bintulu. Sesungguhnya, aspek pemilihan bahasa, identiti dan agama merupakan suatu yang agak kompleks dalam komuniti ini.

Identiti

Dalam konteks Sarawak yang multietnik dan multilingual, isu identiti dan etnisiti ditafsirkan jauh lebih kompleks jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia yang telahpun kompleks. Di negeri ini, terdapat lebih daripada 30 kumpulan etnik dan merupakan sebuah masyarakat yang multibudaya. Menurut King (Jehom, 1999):

“...it should pointed out that the delimitation of ethnic categories and groupings become extremely problematic in an area such as Sarawak when a variety of criteria is

used in combination, for example political organization, economic activity, territorial proximity, and various aspects of culture such as clothing, ritual, myth and language”.

Sesungguhnya, kekompleksiti etnik dan identiti di Sarawak bahkan mencapai tahap yang tidak koresponden dengan pendekatan antropologi Barat, misalnya pendekatan Barth (1969).

Menurut Tischler & Berry (1978), kelompok etnik adalah dinamik, manakala ciri yang boleh tampak seperti kepercayaan dan adat mungkin boleh berubah. Dalam konteks Borneo, Babcock (1974) yang mengulas tentang perubahan identiti suku Iban di Saribas ke “Melayu” melalui kahwin campur dan suku Melanau ke “Melayu” akibat pengembangan dan pendedahan komuniti ini terhadap agama Islam telah menarik kesimpulan bahawa:

indigenous ethnicity, unlike racial identity, was not held to be immutable, and indeed was characterized by impermanence. If we are to have an accurate understanding of traditional Borneo, we must form a picture of populations continually “becoming” something else... .

Menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, seseorang diiktiraf sebagai orang Melayu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu dan bertutur menggunakan bahasa Melayu. Dari sudut skop yang mikro, identiti berkenaan “Melayu” amat kompleks daripada hakikat yang termaktub dalam perlembagaan. Umpamanya, Shamsul (1999) menyatakan “secara subjektif, sesiapa yang memeluk agama Islam boleh dianggap sebagai “Melayu”. Pada masa yang sama, suku bukan Muslim dan bukan Melayu boleh dilabel sebagai “Melayu” selagi mereka mengamalkan cara hidup Melayu, menuturkan bahasa Melayu, memakai pakaian Melayu, memasak masakan Melayu dan terlibat menyeluruh dalam rangkaian perdagangan Melayu”. Sifat sesuatu identiti adalah cair dan sentiasa berubah-ubah. Sifat ini amat menonjol dalam komuniti Penan Muslim. Pada umumnya mereka masih mengaku sebagai suku Penan, tetapi telah beragama Islam, dan terasing daripada suku Penan yang lain. Namun demikian, atas faktor keagamaan, timbul pelbagai lapis identiti. Oleh sebab di Sarawak beragama identik dengan Melayu, maka mereka sering disalah anggap sebagai “Melayu” dan hal ini sejajar dengan hujah Shamsul (1999) yang disebutkan di atas. Penggelaran ini tidak disukai oleh Penan Muslim kerana mereka beranggapan bahawa identiti bangsa dan agama harus dibezakan. Pengasingan ini perlu agar menguntungkan suku asal mereka. Seorang informan berpendapat bahawa suku Penan Muslim harus mengekalkan identiti “Penan” agar tidak merugikan suku Penan. Jika mereka dianggap sebagai “Melayu”, maka segala

pencapaian orang Penan Muslim akan diletakkan di bawah nama “Melayu”.

Walaupun mereka menolak identiti “Melayu”, identiti tersebut disesuaikan dengan kegiatan ekonomi. Oleh sebab adanya stereotaip bahawa menggunakan identiti Melayu lebih mudah mendapatkan pekerjaan dalam sektor kerajaan, maka ada informan yang cuba menggunakan identiti Melayu untuk memohon jawatan jururawat anaknya. Namun begitu, ternyata perhitungan tersebut salah, malah gagal mendapatkan pekerjaan tersebut. Kegagalan tersebut menurut informan kerana setiap pekerjaan di sektor kerajaan ada kuota untuk sesuatu kaum. Oleh sebab kuota untuk Melayu telah dipenuhi, maka secara langsung anaknya gagal mendapatkannya. Pada pendapatnya, kalau anak beliau menggunakan identiti “Penan”, mungkin peluangnya lebih cerah. Contoh ini secara tidak langsung membuktikan kerajaan selama ini bersifat adil dalam pembahagian ekonomi dan semua suku kaum di Malaysia berpeluang mengecapinya. Di samping contoh ini, terdapat satu lagi yang menunjukkan kelenturan identiti Penan Muslim akibat faktor ekonomi. Menurut informan, semasa beliau bertugas sebagai ketua kampung, terdapat kunjungan pegawai dari pihak kerajaan yang menggalakkan suku Penan Muslim membeli Amanah Saham Nasional. Pada mulanya mereka belum memahami tujuan kedatangan pegawai tersebut dengan jelas, maka mereka menggunakan identiti Melayu untuk menghadapi mereka. Sejurus selepas memahami tujuannya adalah untuk membantu suku Penan, mereka terus beralih identiti ke Penan Muslim.

Sesungguhnya, kehidupan suku Penan yang telah beragama Islam tidak boleh dipisahkan daripada identiti Melayu, walaupun ada usaha untuk mempertahankan identiti asal mereka, seperti yang diterangkan di atas. Dalam sebuah keluarga yang diwawancarai, didapati seorang kanak-kanak Penan telah “menjadi Melayu” kerana bapa angkatnya yang berketurunan Melayu semasa mengisi jenis kaum di ruangan *Bangsa* dalam surat beranak, beliau menulis *Melayu* di dalamnya. Kanak-kanak tersebut walaupun “Melayu” secara undang-undang, namun dia membesar di kampung Penan Muslim, menjalani kehidupan dengan keluarga Penan Muslim dan berbahasa Bintulu sebagai bahasa ibunda. Daripada kajian, didapati ada informan yang tidak bermasalah dengan identiti “Melayu”, contohnya seorang informan Iban yang berkahwin campur dengan Penan Muslim akur bahawa beralih ke agama Islam bermakna telah “masuk Melayu” kerana telah mengadaptasi amalan dan adat Melayu dalam kehidupan mereka. Bagi beliau, perbezaan yang wujud antara mereka dengan Melayu cuma dari segi bahasa baharu yang dipilih, iaitu bahasa Bintulu.

KESIMPULAN

Hasil penelitian yang dilaporkan dalam makalah ini bertitik tolak daripada anggapan umum bahawa “masuk Melayu” akan memilih bahasa Melayu sebagai bahasa Ibunda. Kes Penan Muslim di Niah-Suai kelihatan tidak mendukung tanggapan ini. Suku ini yang memeluk agama Islam pada awal abad ke-20 tidak berbahasa Melayu tetapi memilih bahasa Bintulu, iaitu bahasa suku Muslim bukan Melayu sebagai bahasa Ibunda mereka. Setelah beragama Islam, wujud pelbagai lapisan identiti di kalangan mereka. Identiti yang ada pada mereka didapati agak lentur dan boleh disesuaikan mengikut keadaan. Sesungguhnya, laporan yang dikemukakan dalam makalah ini jauh daripada kesempurnaan dan masih belum menyeluruh atas alasan data yang terbatas. Projek ini masih giat dijalankan dan setakat ini penulis hanya mampu menampilkan penelitian awal sahaja yang berbentuk kualitatif. Mudah-mudahan satu laporan yang lebih terperinci disajikan pada akhir projek ini, setelah data yang mencukupi telah dikumpulkan.

NOTA

1. Makalah ini direvisi daripada makalah yang dibentangkan di Kongres Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (MLI) 2016, anjuran Masyarakat Linguistik Indonesia dan Universitas Udayana, Denpasar, 24-27 Ogos. Data dalam makalah ini diperoleh hasil wawancara bersemuka dengan Ketua Kampung Tanjong Belipat dan penduduk-penduduk yang diperkenalkan oleh beliau. Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan penghargaan kepada beliau atas bantuan yang diberikan semasa menjalankan penyelidikan di kampung tersebut.

PENGHARGAAN

Kajian ini menerima geran FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8 di bawah projek “Menerokai Konsep Baru “Masuk Melayu” melalui Etnolinguistik Suku Penan Muslim dan Melayu-Melanau Sarawak.

RUJUKAN

- Adelaar, K.A. 1992. Proto-Malayic: The Reconstruction of its Phonology and Parts of its Morphology and Lexicon. *Pacific Linguistics C-119*. Canberra: Australia National University.
- Soriente, A. 2013. Undergoer Voices in Borneo: Penan, Punan, Kayan and Kenyah Languages. Dlm. K.A. Adelaar, (Ed.). *Voice variation in Austronesian languages of Indonesia*, hlm. 175-203. Jakarta: NUSA.

- Babcock, T.G. 1974. Indigenous ethnicity in Sarawak. *Sarawak Museum Journal*. XXII(43): 191-202.
- Bibi Aminah Abdul Ghani, Terry Justin Dit & Mawi Taip. 2009. *People of the forest: The Penan*. Kuching: Pustaka Negeri Sarawak.
- Enthoven, J.J.K. 1903. Bijdragen tot de geographie van Borneo's Wester-Afdeeling Part 1. Leiden: Brill.
- Faisal S. Hazis. 2008. Contesting Sarawak Malayness: Glimpses of the life and identity of the Malays in southwest Sarawak. Dlm. Zawawi Ibrahim (ed.). *Representation, identity and multiculturalism in Sarawak*, hlm. 263-296. Kuching & Kajang: Dayak Cultural Foundation & Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Jehom, J.W. 1999. Ethnicity and ethnic identity in Sarawak. *Akademika*. 55: 83-98.
- Jimmy Ibrahim. 1971. *Dua ratus tahun kota Pontianak*. Pontianak: Pemda Kotamadya Pontianak.
- Kaboy, Tuton. 1974. The Penan Aput. *Sarawak Museum Journal*. XXII(43): 287-293.
- King, V. 1993. *The peoples of Borneo*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Langub, J. 1975. Distributions of Penan and Punan in the Belaga District. *Borneo Research Bulletin* 7(2): 45-48.
- Langub, J. 1989. Some aspects of life of the Penan. *Sarawak Museum Journal*. XL(61):169-184.
- Mohammed Azlan Mis, 2010. Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *Gema Online Journal*. 10 (2): 97-116.
- Morris, H. S. 1978. The Coastal Melanau. Dlm. King, V. T. (ed.). *Essays on Borneo Societies*, hlm. 37-58. Oxford: Oxford University Press.
- Needham, R. 1955. Punan Ba. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 28(19): 24-36.
- Needham, R. 1953. Penan and Punan. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 27(165): 73-83.
- Needham, R. 2007. Penan. Dlm. Pabali H. Musa. 2003. *Sejarah kesultanan Sambas Kalimantan Barat. Kajian naskhah asal raja-raja dan silsilah Raja Sambas*. Pontianak: STAIN: STAIN Press.
- Shamsul A. B. 1999. Identity contestation in Malaysia: A comparative commentary on "Malayness" and "Chiness". *Akademika*. 55: 17-39.
- Tischler, H.L. & Berry, B. 1978. *Race and ethnic relations*. Chicago: Houghton Mifflin Company.
- Year Book of Statistics Sarawak, 2015*. Jabatan Perangkaan Sarawak.
- Yekti Mauriati. 2004. *Identitas Dayak: Komodifikasi & politik Kebudayaan*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- Yusriadi & Hermansyah. 2003. *Orang Embau: Potret masyarakat pedalaman Kalimantan Barat*. Pontianak: STAIN Press.
- Yusriadi. 2005. Bahasa dan identiti di Riam Panjang. Disertasi Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainuddin Isman. 2001. Orang Melayu di Kalimantan Barat, kajian perubahan budaya pada komuniti pesisir dan komuniti pedalaman. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tarikh Peroleh (*received*): 15 Februari 2019

Tarikh Terima (*accepted*): 16 Ogos 2019